



# KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN/ ONLINE

**NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PEKERJAAN**  
**KOD KURSUS : DSM2133**  
**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021**  
**MASA : 3 JAM**

## **ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:  
BAHAGIAN A (30 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
  2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
  3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
  4. Tulis butiran anda sepetimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
    - i. Nama Penuh Pelajar
    - ii. No. Kad Pengenalan
    - iii. Seksyen Kelas
    - iv. Kod Kursus
    - v. Nama Kursus
    - vi. Nama Pensyarah
  5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
  6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 13 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Undang-undang ini terpakai untuk pekerja-pekerja di negeri Sabah yang gajinya RM2,500 dan ke bawah. Undang-undang ini ialah
  - A Akta Kerja 1955.
  - B Undang-Undang Keselamatan.
  - C Ordinan Buruh Sabah (*Sabah Labour Ordinance [cap.67]*).
  - D Ordinan Buruh Sarawak (*Sarawak Labour Ordinance 1952*).
2. Encik Syahmi merupakan seorang pekerja yang berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan. Mengikut Akta Pekerjaan 1955, beliau akan mendapat
  - A hak, faedah dan perlindungan.
  - B elauan, Kenaikan dan Persaraan.
  - C gaji, Kerja lebih masa dan Cuti umum.
  - D caruman, pampasan dan keselamatan.
- 3.

Syarikat Mulus telah secara kontrak bersetuju untuk menyediakan perkhidmatan keselamatan kepada Syarikat Murni. Dalam konteks ini, pekerja keselamatan tersebut merupakan kontraktor bebas sahaja kepada Syarikat Murni. Kontrak sebegini tidak mewujudkan hubungan buruh (hubungan majikan-pekerja) antara kedua-dua pihak yang terlibat.

**Penyataan 1**

Berdasarkan Penyataan 1, faedah yang diperoleh Syarikat Murni apabila mengambil kontraktor bebas ialah

- A kos perbelanjaan meningkat.
- B pengeluaran dapat dikurangkan.
- C masalah disiplin tidak dapat dikurangkan.
- D pembayaran dibuat berdasarkan kepada kerja yang dilakukan.

4. Puan Zulaikha merupakan seorang operator pengeluaran di Kilang Epson. Beliau telah bekerja selama tiga tahun. Suasana di kilang tersebut tidak teratur kerana bahan-bahan yang digunakan tidak di susun dengan rapi. Di dalam Akta Kerja 1955, majikan wajib
- A menyediakan kerja dan upah.  
B menyediakan penempatan kerja.  
C menyediakan sistem kerja yang selamat.  
D menyediakan kerja yang sah mengikut undang-undang.
5. Dalilah dan Damia merupakan Pegawai Pemasaran di Syarikat Warna Warni. Pada suatu hari, majikan mereka menyuruh mereka untuk menghantar dokumen kepada Syarikat Biru Laut. Dalilah dan Damia bertanggungjawab untuk
- A mematuhi arahan majikan.  
B melengahkan masa penghantaran dokumen.  
C mengetepikan arahan majikan di tempat kerja.  
D kurang menggunakan kemahiran yang ada pada diri mereka.
6. Pengehadan terhadap pendahuluan upah sudah diperuntukkan dalam seksyen 22 Akta Kerja, di mana majikan dilarang memberi pendahuluan upah melebihi sebulan gaji pekerja kecuali bagi tujuan berikut:
- i. Bagi membeli tanah  
ii. Bagi membeli ayam itik  
iii. Bagi membeli motorsikal  
iv. Bagi membeli sebuah rumah
- A i,ii dan iii  
B i,ii dan iv  
C i,iii dan iv  
D i,ii,iii dan iv

7. Puan Lili merupakan pekerja di Syarikat Cantique. Beliau bekerja di syarikat itu selama 6 tahun. Sepanjang tempoh pekerjaan beliau, majikan beliau akan memberikan bonus kepada pekerja-pekerjanya setiap tahun. Bonus ini ialah
- A Bonus Kontraktual.  
B Bonus Perkhidmatan.  
C Bonus Bukan Kontraktual.  
D Bonus Faedah Pampasan.
8. Encik Amir bekerja sebagai seorang pembantu teknikal. Beliau dibayar RM40 sehari. Pada suatu hari, majikan meminta Encik Amir untuk datang bekerja pada hari cuti rehat beliau kerana ada kerja yang perlu diselesaikan. Sekiranya Encik Amir bekerja 8 jam semasa hari cuti rehat beliau, kirakan jumlah upah Encik Amir pada hari tersebut.
- A RM40  
B RM60  
C RM80  
D RM100
9. Aina merupakan seorang penyelia di syarikat perlombongan. Pekerjaan beliau memaksa beliau untuk bekerja di bawah tanah bagi memantau proses mencari gali. Terdapat pelanggaran undang-undang Akta Kerja 1955 oleh majikan dan menyebabkan majikan perlu
- A membayar RM500.  
B membayar RM800.  
C membayar RM1,500.  
D membayar RM2,000.

**10.** Majikan mempunyai hak untuk memberikan pekerja

- i. Latihan
- ii. Kursus
- iii. Kenderaan
- iv. Tempat Tinggal

**A** i dan ii

**B** i dan iii

**C** ii dan iii

**D** iii dan iv

**11.** Manakah antara berikut perkara-perkara yang tidak boleh dicadangkan oleh kesatuan sekerja bagi perjanjian kolektif?

- i. Kenaikan pangkat oleh majikan terhadap mana-mana pekerja
- ii. Memecat dan mengembalikan semula pekerjaan bagi seseorang pekerja oleh majikan.
- iii. Mencadangkan untuk menjaga hak keselamatan pekerja
- iv. Membela nasib pekerja-pekerja buruh

**A** i dan ii

**B** i dan iii

**C** ii dan iv

**D** iii dan iv

**12.** Encik Tajuddin terpaksa bertukar tempat kerja akibat dari prestasi kerja beliau yang semakin merosot. Pengurus mendapati beliau tidak mempunyai kemahiran yang bersesuaian dengan tempat kerja lama beliau. Untuk mengelakkan daripada berlaku nya tidak puas hati, sila nasihatkan Encik Tajuddin tentang

**A** Tindakan yang boleh diambil olehnya.

**B** Beliau boleh merayu sekiranya enggan bertukar tempat kerja.

**C** Beliau mempunyai hak untuk tidak bersetuju dengan keputusan majikan.

**D** Semua kaedah pertukaran tempat kerja adalah di bawah kuasa majikan.

13. Manakah antara berikut **bukan** perbezaan penempatan dan latihan?

- A Penempatan adalah di bawah hak majikan begitu juga dengan latihan.
- B Latihan boleh dilakukan lebih dari sekali manakala penempatan boleh dilakukan hanya sekali.
- C Penempatan ialah penentuan sesuatu jawatan manakala latihan merupakan pembangunan kemahiran.
- D Latihan diukur dari prestasi kerja pekerja manakala penempatan diukur dari kesesuaian kerja dan kemahiran pekerja.

14. Manakah antara berikut merupakan perbezaan pemimpin dengan pengurus?

- A Pemimpin ialah seorang yang pasif manakala pengurus ialah seorang yang aktif.
- B Pemimpin mempunyai jawatan yang formal dalam organisasi begitu juga dengan pengurus.
- C Pemimpin dan pengurus mempunyai bidang kuasa yang sama di dalam organisasi bagi memastikan kecemerlangan pekerja.
- D Pemimpin berinteraksi dengan pekerja untuk mempengaruhi mereka manakala pengurus tidak melibatkan interaksi peribadi.

15. Zizan di tuduh mencuri duit syarikat. Selepas Siasatan Domestik dilakukan, majikan berhak untuk

- A Memecat Zizan tanpa notis.
- B Memberi ganti rugi kepada Zizan.
- C Mengeluarkan *show cause letter* kepada Zizan.
- D Memberi peluang kepada Zizan untuk berubah.

16. Manakah antara berikut merupakan perbezaan antara Prinsip *Audi Alteram Partem* dengan Prinsip *Nemo Judex in Causa Sua*?

- A Prinsip *Audi Alteram Partem* ialah prinsip am perundangan Prinsip *Nemo Judex in Causa Sua* ialah tidak berat sebelah.
- B Prinsip *Audi Alteram Partem* ialah orang yang dituduh diberi peluang menyatakan kes yang dibawa terhadapnya manakala Prinsip *Nemo Judex in Causa Sua* ialah tidak berat sebelah.
- C Prinsip *Audi Alteram Partem* ialah prinsip yang digunakan dalam Siasatan Dalaman manakala Prinsip *Nemo Judex in Causa Sua* ialah prinsip yang diguna pakai di dalam Mahkamah Perindustrian.
- D Prinsip *Audi Alteram Partem* ialah orang yang dituduh diberi peluang menyatakan kes yang dibawa terhadapnya manakala Prinsip *Nemo Judex in Causa Sua* ialah prinsip undang-undang antarabangsa.

17. Manakah antara berikut tindakan yang boleh dikenakan oleh majikan selepas siasatan domestik dijalankan berpandukan Seksyen 14(1) Akta Kerja 1955?

- i. Memecat pekerja tanpa notis
  - ii. Menurunkan pangkat pekerja
  - iii. Memaafkan kesalahan pekerja
  - iv. Mengenakan mana-mana hukuman ringan
- A i,ii dan iii
  - B i,ii dan iv
  - C i,iii, dan iv
  - D ii,iii dan iv

18. Zainon telah bekerja di Syarikat Mabsuri selama 3 tahun sebagai operator pemasaran. Pada suatu hari, pihak syarikat memecat beliau dengan alasan beliau tidak dapat melepasi objektif bulanan majikan dan ini menyebabkan Zainon berasa tidak puas hati. Ini merupakan kes

- A pemecatan tidak adil.
- B pemecatan tanpa notis.
- C pemecatan konstruktif.
- D pemecatan dengan notis.

**19.** Syahirah merupakan seorang penyambut tetamu. Syahirah selalu menerima gangguan seksual berbentuk visual daripada rakan sekerjanya. Syahirah perlu membuat aduan kepada

- A** majikan.
- B** ibu bapa.
- C** pengurus.
- D** rakan sekerja.

**20.** Apakah yang membezakan gangguan seksual visual dengan gangguan seksual psikologi?

- A** Visual adalah menulis surat berunsur seksual manakala psikologi adalah pujuk rayu berterusan, untuk keluar bersama atau untuk bercumbuan.
- B** Visual adalah sentuhan yang tidak diingini manakala psikologi berbentuk ancaman atau cadangan seksual menurunkan gred atau pangkat pekerja.
- C** Psikologi berbentuk isyarat berlaku melalui pandangan atau kerlingan yang menggoda manakala visual adalah menggesel badan, memeluk, mencium dan serangan seksual.
- D** Psikologi berbentuk soalan-soalan yang berbentuk ancaman atau cadangan seksual manakala visual adalah tingkah laku mengurat yang berterusan.

**21.** Encik Razali merupakan orang yang bertanggungjawab menutup tangki gas di tempat beliau bekerja. Malangnya, pada suatu hari, Encik Razali hendak cepat pulang ke rumah dan tidak menutup rapat tangki gas itu yang menyebabkan berlakunya kebocoran gas sehingga mengakibatkan letupan di tempat kerja beliau. Apakah tindakan yang akan dikenakan oleh majikan terhadap Encik Razali?

- A** Memberi amaran.
- B** Menuntut ganti rugi.
- C** Memecat Encik Razali.
- D** Menggantung kerja Encik Razali.

22. Manakah antara berikut merupakan perbezaan antara *Redundancy* dan *Retrenchment*?

- A Retrenchment berlaku akibat dari kehilangan upaya pekerja manakala *redundancy* berlaku kerana lebihan pekerja.
- B *Redundancy* berlaku disebabkan oleh lebihan pekerja manakala *retrenchment* berlaku disebabkan oleh krisis ekonomi.
- C *Retrenchment* berlaku akibat daripada salah laku pekerja manakala *redundancy* berlaku disebabkan oleh krisis ekonomi.
- D *Redundancy* berlaku disebabkan oleh pekerja tidak boleh meneruskan kerjanya manakala *retrenchment* berlaku kerana kontrak ditamatkan oleh sebab-sebab tertentu.

23. Pada tahun 2018, Sistem Insurans Pekerja telah diperkenalkan di dalam Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017. Marlini, seorang lepasan ijazah yang baru bekerja kurang pasti akan caruman ini. Bantu Marlini untuk mengetahui kadar caruman Sistem Insurans Pekerja.

- A 0.1% daripada gaji bulanan pekerja
- B 0.2% daripada gaji bulanan pekerja
- C 0.3% daripada gaji bulanan pekerja
- D 0.4% daripada gaji bulanan pekerja

24. Manakah antara berikut **bukan** perbezaan caruman Jenis Pertama dan caruman Jenis Kedua?

- A Caruman Jenis Pertama mencarum 1.75% syer majikan manakala caruman Jenis Kedua mencarum sebanyak 1.25% syer majikan.
- B Caruman Jenis Pertama terdiri daripada syer majikan sahaja manakala caruman Jenis Kedua terdiri daripada syer majikan dan pekerja.
- C Caruman Jenis Pertama mendapat perlindungan Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan manakala caruman Jenis Kedua mendapat perlindungan Skim Bencana Pekerjaan.
- D Caruman Jenis Pertama adalah untuk pekerja yang berumur kurang daripada 60 tahun manakala caruman Jenis Kedua adalah untuk pekerja yang telah mencapai umur 60 tahun.

**25.**

Majikan hendaklah mendaftar dengan KWSP dalam tempoh 7 hari dari tarikh majikan wajib mencarum iaitu sebaik sahaja ia mengupah pekerja.

**Pernyataan 1**

Berdasarkan Pernyataan 1 di atas, seksyen yang relevan ialah

- A** Seksyen 40 (1) Akta KWSP 1991.
- B** Seksyen 41 (1) Akta KWSP 1991.
- C** Seksyen 42 (1) Akta KWSP 1991.
- D** Seksyen 43 (1) Akta KWSP 1991.

**26.** Pak Ya berumur 61 tahun. Beliau bekerja sebagai pengawal keselamatan di syarikat ST. Berapakah kadar syer caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang perlu di bayar oleh Pak Ya?

- A** 5.5%
- B** 6.5%
- C** 11%
- D** 13%

**27.** Encik Tan merupakan majikan yang baru menubuhkan syarikat. Beliau baru mendaftar untuk mencarum dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Dokumen yang akan diperoleh oleh Encik Tan selepas pendaftaran caruman dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ialah

- A** No.rujukan majikan, notis penamatan dan sijil penamatan.
- B** No.rujukan majikan, notis pendaftaran dan sijil pendaftaran.
- C** No.rujukan majikan, notis penangguhan dan sijil penangguhan.
- D** No.rujukan majikan, notis caruman dan sijil pengesahan caruman.

**28.** Sufi merupakan pekerja yang sangat komited dalam pekerjaannya. Pada suatu hari, majikan memberhentikan Sufi dengan alasan Sufi tiada kemahiran dalam skop kerja yang dijalankan. Kes ini berlarutan hingga ke Mahkamah Perindustrian. Apakah prosiding mahkamah yang terlibat?

- A** Suatu panel yang mewakili pekerja perlu ada dalam prosiding.
- B** Suatu panel yang mewakili majikan perlu ada dalam prosiding.
- C** Pengerusi dibenarkan bersidang bersendirian bagi membicarakan kes.
- D** Seorang Presiden yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong diperlukan bagi membicarakan kes.

**29.** Berlaku isu mogok pekerja di Syarikat RR dan menyebabkan keuntungan Syarikat RR merudum sebanyak 30% dari bulan sebelum ini. Isu ini telah dibicarakan di Mahkamah Perindustrian akan tetapi terdapat persoalan yang ingin diketahui oleh pihak majikan berkaitan dengan undang-undang semasa perbicaraan dijalankan. Berapakah tempoh masa untuk pihak majikan membuat rujukan permohonan?

- A** 30 hari dari tarikh keputusan Mahkamah.
- B** 40 hari dari tarikh keputusan Mahkamah.
- C** 50 hari dari tarikh keputusan Mahkamah.
- D** 60 hari dari tarikh keputusan Mahkamah.

**30.** Atul terpaksa mengambil cuti kecemasan selama dua minggu kerana menjaga ayahnya yang sedang uzur, akan tetapi pihak majikan Atul menahan gaji Atul pada bulan tersebut dengan alasan risau sekiranya Atul mungkin melarikan diri selepas mendapat gaji. Atul berasa tidak puas hati dengan tindakan pihak majikannya dan ingin membuat aduan ke Jabatan Tenaga Kerja. Bantu Atul mengenal pasti cara yang paling cepat untuk mendapatkan jawapan dan tindakan daripada pihak Jabatan Tenaga Kerja.

- A** Melalui emel.
- B** Melalui surat.
- C** Melalui panggilan telefon.
- D** Dengan menghadirkan diri ke Jabatan Tenaga Kerja.

**[30 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

KWSP ditubuhkan pada 1 Oktober 1951 di bawah Ordinan KWSP 1951. KWSP merupakan sebuah badan berkanun dan tabung amanah yang diwujudkan bagi menyediakan faedah persaraan kepada ahli-ahlinya apabila mereka bersara kelak. Huraikan jenis-jenis bayaran yang dikecualikan daripada caruman KWSP untuk rujukan pihak majikan.

(10 markah)

**SOALAN 2**

Prinsip keadilan asasi perlulah dipatuhi semasa proses Siasatan Domestik dijalankan. Kenal pasti dua jenis prinsip utama yang perlu dipatuhi semasa proses Siasatan Domestik dijalankan.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Encik Morgan bekerja sebagai akauntan di Syarikat ABC dan telah bekerja selama tiga tahun. Pada suatu hari, majikan Encik Morgan memanggil beliau dan memberikan sebulan notis pemberhentian kerja kepada beliau atas alasan beliau tidak sesuai bekerja sebagai akauntan. Encik Morgan merasakan beliau dipecat tanpa alasan yang munasabah. Sebagai seorang Pegawai Sumber Manusia yang berpengalaman, huraikan tindakan yang boleh diambil oleh Encik Morgan untuk membela nasibnya sebagai seorang pekerja disebabkan oleh ketidakadilan pihak majikan terhadapnya.

(10 markah)

**SOALAN 4**

Majikan anda baru mengambil dua orang pekerja baru untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai Pengawal Keselamatan. Mengikut Seksyen 41(1) Akta KWSP 1991, majikan wajib mendaftar pembayaran caruman dengan KWSP dalam tempoh 7 hari sebaik sahaja majikan mengambil pekerja. Bincangkan kaedah yang boleh digunakan oleh pihak majikan untuk mendaftar pembayaran caruman pekerja sebagai ahli KWSP.

(10 markah)

**[40 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**